

# **Syarat dan Kelayakan Menuntut Pampasan Khairat.(KKTI)**

## **Tarikh Kuatkuasa Perlindungan Yang Seragam 1 atau 15 haribulan**

Tarikh kuatkuasa Perlindungan Seragam KKTI yang setuju di gunapakai oleh Takaful Ikhlas Sdn Bhd dan Permodalan Peladang Bhd ialah pada satu(1) haribulan dan lima belas (15) haribulan setiap bulan.

Peserta yang membuat caruman pada tarikh selain dari tarikh seragam yang di tetapkan akan tertakluk kepada mana mana satu tarikh perlindungan seragam yang gunapakai diatas.

## **Tuntutan Pampasan Khairat Bagi Peserta Baru ( Tahun Pertama)**

Bagi peserta baru , tahun pertama, waris peserta layak menuntut pampasan khairat bagi kematian di sebabkan kemalangan jika berlaku pada atau selepas 24 jam dari tarikh kuatkuasa perlindungan seragam 1 hb atau 15hb yang di gunapakai. Bagi kematian biasa, waris peserta layak menuntut pampasan khairat selepas 90 hari dari tarikh kuatkuasa perlindungan seragam 1hb atau 15hb yang di gunapakai. Peserta adalah di nasihatkan untuk memilih hanya salah satu dari tarikh kuatkuasa seragam diatas semasa membuat pembayaran caruman.

## **Tuntutan Pampasan Khairat Bagi Peserta Lama (Tahun Kedua dan berikutnya)**

Bagi peserta lama yang membuat pembayaran caruman segera sebelum tamat tempoh tarikh kuatkuasa perlindungan seragam untuk tahun berikutnya, waris peserta layak menuntut pampasan khairat bagi kematian di sebabkan kemalangan jika berlaku serta merta pada atau selepas tarikh kuatkuasa perlindungan seragam 1 hb atau 15hb yang di gunapakai. Bagi kematian biasa, waris peserta layak menuntut pampasan khairat jika kematian berlaku pada atau selepas tarikh kuatkuasa perlindungan seragam 1hb atau 15hb yang di gunapakai.

Peserta adalah di nasihatkan untuk membayar caruman sebelum tamat tarikh kuatkuasa perlindungan seragam yang sama seperti tahun lepas.

## **Had Bilangan dan Umor Anak-Anak Yang Dilindungi DiBawah Nama Peserta**

Had umur anak anak yang layak di lindungi ialah bermula dari umur 21 hari dari tarikh lahir hingga 18 tahun atau 23 tahun jika masih menuntut.

Peserta hendaklah mendaftarkan semua nama anak anak nya di PPK yang berumur didalam tempoh diatas sepanjang tempoh kuatkuasa perlindungan. Peserta boleh menambah atau menggugorkan nama anak anak dari semasa kesemasa. Walaubagaimanapun tuntutan pampasan khairat yang layak di buat untuk tiga kali tuntutan untuk mana mana tiga orang anak sahaja.

### **Peserta Yang Bermonogami**

Waris Peserta yang beristeri satu hanya layak menuntut pampasan khairat dari satu Pelan Perlindungan Master Polisi PPB KKTI sahaja. Waris peserta berkenaan masih boleh menuntut pampasan khairat jika peserta ada juga menyertai Pelan Pelan KKTI dibawah Master Polisi Institusi lain. Pelan Perlindungan adalah masih berkuatkuasa sekiranya isteri atau anak peserta yang meninggal. Jika Peserta meninggal dunia, pelan perlindungan adalah di kira tamat. Penyertaan waris ke dalam mana mana pelan adalah di kira sebagai peserta baru.

### **Peserta Yang Berpoligami**

Waris Peserta yang beristeri dua atau lebih hanya layak menuntut pampasan khairat dari satu Pelan Perlindungan Master Polisi PPB KKTI sahaja. Waris peserta berkenaan masih boleh menuntut pampasan khairat jika peserta ada juga menyertai Pelan Pelan KKTI dibawah Master Polisi Institusi lain. Pelan Perlindungan adalah masih berkuatkuasa sekiranya isteri-isteri atau anak anak peserta yang meninggal. Jika Peserta meninggal dunia, pelan perlindungan adalah di kira tamat. Penyertaan waris ke dalam mana mana pelan adalah di kira sebagai peserta baru.